

Headline	Tahan pintu dibadai ribut		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 May 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	2	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	508 cm ²
Journalist	Iskandar	AdValue	RM 19,935
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,805



■ Ibu tunggal panik berdepan angin kencang sendirian

Iskandar Shah Mohamed
iskandar@hmetro.com.my

Sejurus mendengar deruan angin diselangi hujan dan petir, saya bergegas menutup pintu utama yang seakan-akan mahu tercabut dengan sepenuh kudrat selama hampir 30 minit," kata ibu tunggal, Badiah Abas, 53.

Dalam kejadian jam 7.30 petang sabtu lalu, mangsa menempuh detik menakutkan bersendirian apabila ru-

mah di Kampung Perepat, Kapar, di sini, dipukul ribut.

"Pada waktu sama, bumbung rumah turut bocor menyebabkan ruang tamu serta bilik tidur dilimpahi air hujan."

"Kejadian itu turut menyebabkan lebih 100 rumah penduduk di sekitar kawasan berkenaan terjejas dan rosak," katanya.

Situasi yang didakwa kali pertama berlaku itu mengakibatkan sebahagian penduduk dipindahkan ke dewan berdekatan.

Badiah berkata, kejadian berlaku ketika dia membahru pakaian di bilik air se-

belum ribut berlaku mendadak.

"Ribut reda ketika azan Isyak berkumandang. Saya tidak berani keluar untuk melintasi keadaan sehingga jam 9 malam.

"Sebaik keluar dari rumah, semua khemah bermula musnah. Beberapa atap rumah penduduk turut diterbangkan angin," katanya di Dewan Orang Ramai Kampung Perepat, semalam.

Penduduk lain, Jamiah Ghulam Husin, 40, berkata, dia yang baru pulang berniaga di pasar malam Seksyen 20, Shah Alam, terkejut melihat bumbung rumah

tercabut dan siling ruang tamu turut runtuh.

"Bagaimanapun saya bersyukur kerana tiada sesiapa di dalam rumah dan dua anak berada di rumah jiran. Nilai kerugian dianggarkan RM10,000," katanya.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri berkata, pusat pemindahan berkenaan dibuka sejak jam 10 malam Sabtu lalu.

"Setakat ini, hanya lapan keluarga membatikan 17 individu ditempatkan di dewan berkenaan manakala penduduk lain pulang ke kediaman mereka," katanya.

Headline	Tahan pintu dibadai ribut		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 May 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	2	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	508 cm ²
Journalist	Iskandar	AdValue	RM 19,935
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,805

100 >>Bilangan rumah terjejas dalam kejadian ribut di Kampung Perepat

JAMIAH menunjukkan atap rumahnya rosak diterbangkan angin.



Headline	Bayar kompaun, elak tindakan mahkamah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	116 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,293
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,878



Bayar kompaun, elak tindakan mahkamah



KUALA LUMPUR 9 Mei – Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menanggung hutang tertunggak sehingga mencecah RM1.3 juta sejak dua tahun lalu akibat kedegilan pemilik kenderaan melunaskan kompaun letak kereta masing-masing.

Yang Dipertua, Abd. Hamid Hussain berkata, pihaknya kini membuat tawaran khas RM30 bagi setiap kompaun letak kereta di kawasan pentadbirannya untuk menggalakkan pesalah letak kenderaan melakukan pembayaran.

“Tempoh tawaran ini ditawarkan bermula sekarang sehingga 31 Mei ini. Sekiranya mereka masih gagal melunaskan kompaun tersebut, tindakan mahkamah di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (MPAJ) 2007 akan diambil.

“Langkah ini diambil me-

Langkah ini diambil memandangkan orang ramai khususnya pemilik kenderaan yang dikompaun tidak memandang serius terhadap kesalahan itu,”

ABD. HAMID HUSSAIN
Yang Dipertua MPAJ



mandangkan orang ramai khususnya pemilik kenderaan yang dikompaun tidak memandang serius terhadap kesalahan itu,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Abd. Hamid, orang ra-

mai khususnya penduduk Ampang Jaya digesa membuat semakan dan bayaran selagi tempoh tawaran khas masih ada di Menara MPAJ, Taman Melawati dan Kompleks Muhibbah Taman Nirwana untuk membuat bayaran.

Headline	Empat pasar Ampang Jaya berwajah baharu		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	469 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,355
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,065



Empat pasar Ampang Jaya berwajah baharu

Oleh ZULFADLI SHARIFUDIN

kota@utusan.com.my

■ AMPANG JAYA 9 MEI

PARA peniaga pasar di sekitar Ampang Jaya menarik nafas lega apabila sejumlah empat buah pasar akan dinaik taraf oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Pasar-pasar yang bakal berwajah baharu itu termasuk, Pasar Pekan Ampang, Pasar Pandan Jaya, Pasar Kuala Ampang dan Pasar Tasik Tambahan dengan kos keseluruhan bernilai RM12 juta.

Yang Dipertua MPAJ, Abd. Hamid Hussain berkata, kerja-kerja naik taraf pasar terbabit bermula secara serentak pada Khamis depan dan dijangka siap sepenuhnya Mei tahun hadapan.

"Bagaimanapun, projek Pasar

Pekan Ampang mengambil tempoh masa selama 20 bulan iaitu dijangka siap pada Januari 2018 dengan kapasiti 495 ruang niaga.

"MPAJ akan membina pasar dua tingkat untuk Pasar Pekan Ampang dan Pasar Pandan Jaya berikutnya kawasannya yang terhad," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Hi-Tea Apresiasi Media, di sini baru-baru ini.

Menurut Abd. Hamid, para peniaga akan berpindah ke tapak gantian sementara berdekatan dengan pasar sedia ada, iaitu peniaga Pasar Pekan Ampang dan Pasar Pandan Jaya akan berpindah sementara di sekitar kawasan stesen Transit Aliran Ringan (LRT)

berdekatan.

"Bagi peniaga Pasar Kuala Ampang, mereka akan berpindah ke Padang Kuala Ampang, manakala peniaga Pasar Tasik Tambahan pula masih boleh berniaga di kawasan tapak pasar sedia ada," katanya.

Tambahnya, pasar-pasar tersebut akan dilengkapi kemudahan Loji Rawatan Air Sisa Pasar (WWTP) melalui peruntukan 'River Of Life' (RoL).

"Air yang dijana melalui pasar terbabit akan ditapis melalui loji tersebut, seterusnya membekalkan air terawat bagi membasmi pencemaran daripada punca melalui program RoL," katanya lagi.



PASAR Pekan Ampang akan dirobohkan untuk pembinaan pasar baharu.

Headline	Empat pasar Ampang Jaya berwajah baharu		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	469 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,355
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,065



KEADAAN Pasar Pandan Jaya akan berubah selepas kerja naik taraf dimulakan pada Khamis ini.



PENDUDUK berharap bangunan baharu Pasar Tasik Tambahan dapat memberikan keselesaan berbanding sekarang.

EMPAT PASAR BAKAL BERWAJAH BAHARU

Pekan
Ampang

495

Peniaga

Pandan
Jaya

84

Peniaga

Kuala
Ampang

78

Peniaga

Tasik
Tambahan

50

Peniaga



BANGUNAN Pasar Kuala Ampang bakal berubah wajah tidak lama lagi.

MODEL Pasar
Pekan Ampang
yang bakal
dibangunkan.



Headline	Guan Eng, Azmin ingatkan Tun M sejarah dipenjara		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	9	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	117 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,312
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,937



Guan Eng, Azmin ingatkan Tun M sejarah dipenjara

KEPALA BATAS 9 Mei - Dua pemimpin PKR dan DAP yang berkongsi pentas bersama Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam ceramah Deklarasi Pembangkang di sini malam tadi, secara sinis sempat mengingatkan bekas Perdana Menteri itu bahawa mereka pernah dipenjarakan ketika zaman pentadbirannya.

Ketua Menteri, Lim Guan Eng berkata, beliau tidak akan melupakan peristiwa berkenaan walaupun kini menjalankan kerjasama politik.

"Ia telah menjadi sejarah, namun saya suka berterus-terang dalam hal ini dan hakikatnya saya dipenjarakan ketika zaman Tun (Dr. Mahathir) menjadi Perdana Menteri," katanya.

Kerjasama Guan Eng yang juga

Setiausaha Agung DAP yang belum disahkan jawatannya, dengar Dr. Mahathir juga telah mengejutkan pelbagai pihak, namun ia terpaksa dilakukan untuk mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak meletak jawatan.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, beliau juga pernah melalui pengalaman ditangkap ketika zaman Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri.

Katanya, sebelum Datuk Seri Anwar Ibrahim ditangkap, beliau terlebih dahulu merasai pengalaman berkenaan pada 16 September 1998.

"Ketika itu, Dr. Mahathir yang menjadi Menteri Dalam Negeri dan saya ditahan. Saya ingin maklum-

kan kepada anda semua, di negeri inilah, sejarah kebangkitan rakyat bermula iaitu pada tahun Anwar dipenjarakan," katanya.

Sementara itu, beberapa pemimpin pembangkang yang berucap dalam ceramah berkenaan berterusan membuat pelbagai serangan ke atas Najib serta meminta rakyat menyokong deklarasi berkenaan.

Dr. Mahathir ketika ditemui selepas itu berkata, kempen berkenaan menyasarkan satu juta tandatangan dan akan diserahkan kepada Majlis Raja-Raja.

Bagaimanapun, katanya, tarikh penyerahan berkenaan belum dapat dipastikan kerana masih menunggu untuk mencapai sasaran jumlah tandatangan.

Headline	Mat Sabu Pas kalah kerana salah sendiri		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 May 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	9	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	91 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,197
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,591



Mat Sabu: Pas kalah kerana salah sendiri

KEPALA BATAS 9 Mei - Presiden PAN, Mohamad Sabu mengakui kelemahan yang wujud dalam pakatan pembangkang menyebabkan mereka meraih keputusan buruk dalam Pilihan Raya Negeri ke-11 (PRN-11) Sarawak, Sabtu lalu.

Mohamad atau lebih dikenali sebagai Mat Sabu berkata, peribuan kerusi di lima kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) membabitkan PKR dan DAP tidak seharusnya berlaku.

"Kita mempunyai kelemahan kerana pertindihan kerusi berkenaan, namun keputusan sudah dijangka kerana proses pilihan raya di sana tidak demokrasi apabila kami dihalang masuk ke Sarawak," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri ceramah Deklarasi Pembangkang di sini malam tadi.

Dalam PRN Sarawak, hasrat pembangkang untuk mencipta kejutan gagal apabila hanya menang 10 daripada 82 kerusi iaitu tujuh oleh DAP dan tiga (PKR), malah turut menyaksikan peribuan sesama sendiri PKR dan DAP yang ingin bertanding di lima kerusi DUN.

Sementara itu, ketika ditanya hasrat Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang mahukan Pas kembali menyertai pakatan pembangkang ekoran keputusan PRN Sarawak, Mat Sabu berkata, ia merupakan pandangan peribadi.

Katanya, sebarang keputusan perlu dibuat dalam mesyuarat bersama membabitkan pemimpin PAN, DAP dan PKR.

"Hak beliau (Mohamed Azmin) untuk jemput Pas serta pakatan pembangkang, bagi PAN, kami tidak terjejas dengan perkara itu," katanya.

Headline	PRK Sungai Besar Pas tak kompromi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	9	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	224 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,468
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,404



PRK Sungai Besar: Pas tak kompromi

SHAH ALAM 9 Mei – Pas Selangor tidak akan berkompromi termasuk menyerahkan kerusi Parlimen Sungai Besar untuk ditandingi oleh mana-mana parti pembangkang lain sekiranya berlaku pilihan raya kecil di kawasan itu.

Perkara itu ditegaskan Pesuruhjaya Pas negeri, Datuk Iskandar Abdul Samad yang menyatakan, Parlimen Sungai Besar merupakan kerusi tradisi yang ditandingi Pas dan tidak boleh diserahkan kepada parti pembangkang lain sewenang-wenangnya.

“Itu (kawasan Parlimen Sungai Besar) adalah kawasan tradisi kita bertanding. Kita telah bertapak di situ sejak 1950-an lagi. Kita pernah menang di Parlimen itu pada Pilihan Raya Umum 1999,” katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Beliau mengulas pendirian Pas Selangor sekiranya berlaku Pilihan Raya Kecil Parlimen Sungai Besar selepas penyandangnya, Datuk Noriah Kasnon daripada Barisan Nasional (BN) maut bersama-sama lima lagi penumpang termasuk suami, Asmuni Abdullah dalam naas helikopter terhempas di Sarawak, Kharis lalu.

Dalam masa sama, Iskandar yang juga Naib Presiden Pas ketika ditanya kemungkinan berlaku pertandingan tiga penjuru termasuk DAP meletakkan calon Melayu jika ada pilihan raya kecil memberitahu, pihaknya tiada masalah untuk berhadapan keadaan sedemikian.

“Kita akan tetap bertanding di kerusi Parlimen itu. Itu kerusi kita tandingi sejak sekian lama. Kita



Itu (kawasan Parlimen Sungai Besar) adalah kawasan tradisi kita bertanding. Kita telah bertapak di situ sejak 1950-an lagi. Kita pernah menang di Parlimen itu pada Pilihan Raya Umum 1999.”

**ISKANDAR ABDUL SAMAD
Pesuruhjaya Pas Selangor**

tidak akan tarik diri,” jelasnya.

Sementara itu, Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menyatakan, masih terlalu awal untuk mereka membincangkan soal calon yang bakal diketengahkan di kawasan berkenaan.

“Kita (PKR) akan bincang (dengan DAP dan PAN),” ujarnya.

Polemik antara parti dalam pakatan pembangkang semakin ketara ketika Pilihan Raya Negeri Sarawak Ke-11 yang berlangsung baru-baru ini apabila masing-masing enggan beralih berkaitan soal calon.

Pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), Parlimen Sungai Besar dimenangi Noriah dengan majoriti sebanyak 399 undi mengatasi pencabarnya, Mohd. Salleh M. Husin daripada Pas.

Headline	PRK Sungai Besar Pas tak kompromi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	9	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	224 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,468
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,404



MOHAMED AZMIN ALI



ISKANDAR ABDUL SAMAD



Misi hidup mati Red Giants

KUALA LUMPUR 9 Mei - Pulang tanpa mata, Selangor akan tersingkir daripada saingan Piala AFC.

Itu situasi yang dihadapi skuad *Red Giants* apabila bertandang ke Stadium Nasional Singapura esok untuk menentang Tampines Rovers dalam perlawan terakhir Kumpulan E.

Anak-anak buah Zainal Abidin Hassan hanya memerlukan seri untuk mengiringi kelab Filipina, Ceres FC ke peringkat kalah mati, namun Selangor tidak akan turun dengan misi untuk seri, sebaliknya mencari tiga mata selamat.

Malah, Zainal juga menegaskan, *Red Giants* tidak akan beraksi dengan strategi bertahan kerana 90 minit permainan bukan tempoh yang pendek.

Katanya lagi, kekalahan dalam aksi pertama menentang wakil kelab dari Singapura itu juga tidak boleh dijadikan ukuran bahawa kelebihan besar dimiliki pihak lawan kerana ketika itu Selangor mempunyai banyak peluang, namun gagal disempurnakan dalam bentuk jaringan.

"Tidak...saya sama sekali tidak datang ke sini untuk bertahan kerana ia bukan cara terbaik.

"Biar pun kita hanya memerlukan satu mata untuk layak tetapi saya lebih suka seandainya kita pulang bersama tiga mata.

"Mereka (Tampines) adalah pasukan yang kuat dan kelebihan beraksi di laman sendiri pasti mahu dimanfaatkan pihak lawan, namun anak-anak buah saya telah bersedia daripada segi mental dan fizikal untuk menghadapi tantangan sengit.

"Perlawan pertama telah menjadi pengajaran berguna kepada kita dan segala kelemahan telah pun diperbaiki.

"Saya harap setiap peluang yang dimiliki nanti mampu dimanfaatkan pemain-pemain yang bakal diturunkan," kata Zainal.

Dalam perjumpaan pertama pada 30 April lalu, *Red Giants* tewas tipis

2-3 kepada Tampines Rovers di Stadium Majlis Perbandaran Selayang, namun Zainal menegaskan, perlawan kali ini bukan aksi balas dendam.

Selangor kini menduduki tangga kedua Kumpulan E dengan mengumpulkan lapan mata selepas mengharungi lima perlawanan menerusi dua menang dan seri.

"Kita turun bukan untuk misi balas dendam tetapi kita beraksi untuk membawa pulang keputusan positif.

"Saya harap semua pemain akan memperlihatkan aksi terbaik, berdisiplin tinggi dan memberi fokus sepenuhnya sehingga wisel penamat.

"Semua pemain mempunyai peluang untuk beraksi kecuali Saiful Ridzuwan Selamat dan Mohd. Hafiz Kamal yang digantung perlawan," jelasnya.



PENYERANG dari Argentina, Mauro Olivi (kiri) menjadi sandaran Selangor untuk merobek gawang Tampines Rovers dalam perlawan Piala AFC di Stadium Nasional Singapura, malam ini.



KERUSI PARLIMEN SUNGAI BESAR

PKR, sekutu bincang sama ada bertanding

➔ PAS tetap letak calon cuba nasib kubu BN

Oleh Khairul Azran Hussin

khaiizr@bh.com.my

■ Shah Alam

Belum pun kekosongan kerusi Parlimen Sungai Besar diumumkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), pembangkang sudah menunjukkan minat bertanding di kerusi tradisi PAS itu.

Menyedari keadaan itu, PAS Selangor semalam mengumumkan akan mempertahankan kedudukannya untuk bertanding di kerusi Parlimen Sungai Besar jika Pilihan Raya Kecil (PRK) diadakan.

Pesuruhjaya PAS negeri, Datuk Iskandar Samad, berkata calon parti itu lebih layak bertanding di kerusi terbabit berbanding DAP, PKR atau Parti Amanah Negara (Amanah), malah menegaskan ia

secara tradisi diperuntukkan kepada PAS sejak 1990-an lagi.

"(Parlimen) Sungai Besar adalah kerusi PAS. Jadi, PAS tidak akan tunduk dengan mana-mana desakan jika ada parti pembangkang lain yang cuba untuk bertanding di kerusi ini," katanya.

PRK perlu diadakan berikutan kematian penyandangnya, Datuk Noriah Kasnon dalam nahas Helikopter Eurocopter AS350, di Sebuyau, Sarawak.

Yang turut terkorban ialah Ahli Parlimen Kuala Kangsar yang juga Penggerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Wan Muhammad Khair-il Anuar Wan Ahmad.

Ini berikutan kekosongan kerusi Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar berlaku kurang daripada tempoh tiga tahun sebelum penggalnya berakhir pada 24 Jun de-

pan.

Berdasarkan Artikel 54 (1) Perlembagaan Persekutuan, PRK hanya perlu diadakan dalam tempoh tiga tahun sebelum tamat sesuatu sesi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Bincang dengan DAP, Amanah

Sementara itu, Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata beliau akan berbincang dengan rakan parti sekutunya, sama ada pakatan harapan bertanding atau tidak di Sungai Besar.

"Bertenang dahulu, biar kita bincang (dengan DAP dan Amanah) jika SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya) memutuskan ada pilihan raya kecil (PRK). Semua tahu bahawa kerusi ini adalah milik PAS. Jadi (kita akan) berbincang," katanya.



10 May 2016
Berita Harian, Malaysia

Author: Khairul Azran Hussin • Section: Nasional • Page: 7 • Printed Size: 191.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 3,454.00
PR value: MYR 10,362.00 • Item ID: MY0025981162

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahs@ns.gov.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

Info

P93 Sungai Besar

→ **Keputusan Pilihan Raya Umum 2013**
→ **Pemilih** - 42,837
→ **BN** - Datuk Noriah Kasnon (18,695)
→ **PAS** - Mohamed Salleh M Husin (18,296)
→ **Majoriti** - 399

Sinar harian

TELUS & TULUS



SEBARGANG SUMBANGAN SALURKAN KE, WARISAN UMMAH IKHLAS FOUNDATION
NO AKAUN: 564276-516031 (MAYBANK ISLAMIC)
UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA LAYARI [WARISAN UMMAH IKHLAS](#)

AKTIEKAN RUMAH
ngaji



SHAH ALAM

Tiada lesen
pembalakan
di Selangor

36

Projek Horas tiada masalah

Exco Selangor, Zaidy Abdul Talib
jelaskan projek Horas yang
babitkan tiga fasa berjalan lancar
dan fasa 1 projek berkenaan sudah
siap pada Oktober tahun lalu




#KitakanIslam BUAT KERANA ALLAH

“ Kemenangan itu juga meningkatkan
tekanan kepada Najib untuk memenuhi
semua desakan daripada Kerajaan Sarawak.”
- Bekas perdana menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad

BNI BELUM SELESA

Kemenangan PRN Sarawak bukan
petanda keyakinan rakyat kepada
kerajaan pulih sepenuhnya



EJEN
DIPERLUKAN
DI SELURUH
MALAYSIA MODAL
SERENDAH
RM550

KECANTIKAN IMPIAN SETIAP WANITA

BluMerries
SRIANGUN

Rahsia Kecantikan Luaran dan Dalaman Wanita

KOYAK · MAKAN · CANTIK

- ♦ Kologen ♦ Vitamin C ♦ Cinnamon (kulit kayu Manis) ♦ Manjakani ♦ Akar serapat ♦ Purasweet ♦ Raspberry
- ♦ Epal ♦ Lemon ♦ Madu ♦ Hyaluronic Acid ♦ Aloe Vera ♦ Kacang soya

80% TESTIMONI HQ TERIMA • 100% HALAL DAN BEBAS DARI BAHAN KIMIA

Boleh Didapati Dari Pengedar Online Dan Kedai Kosmetik Berhampiran

013 5158009 Kak Mie | 013 4330588 Atilia

[Bla Merries Sri Anggun HQ](#)

[blumerries.com](#)

Headline	Amanah Perak terima cadangan Azmin		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 May 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	4	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	61 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 601
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,802



Amanah Perak terima cadangan Azmin

IPOH - Parti Amanah Negara (Amanah) Perak bersetuju dengan cadangan Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang meminta Pas kembali menyertai pakatan pembangkang bagi menghadapi PRU14.

Timbalan Pengurusnya, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin berkata, perkara itu sewajarnya dilaksanakan bagi mengukuhkan kekuatan pembangkang dalam satu pakatan.

"Sebelum Azmin cakap, Amanah sendiri

pun dah banyak kali pelawa Pas.

"Tapi mereka (Pas) cakap selagi ada DAP dan Amanah, mereka tak nak masuk," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Menurutnya, tiada manfaat Pas kekal bersendirian selain ia akan menyebabkan berlaku pertandingan tiga penjuru di kebanyakan kerusi Dun dan Parlimen membabitkan pembangkang.

"Kita nak elakkan perkara itu dan kalau kita bersama ia akan menjimatkan masa, tenaga selain wang ringgit," katanya.

Headline	Pas tolak tawaran PKR		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 May 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	4	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	89 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 876
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,628



Pas tolak tawaran PKR

KUALA LUMPUR - Pas menolak tawaran PKR untuk parti itu menyertai Pakatan Harapan bersama DAP dan Amanah bagi menghadapi PRU14.

Naib Presiden Pas, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah berkata, Pas sebaliknya lebih berminat jika PKR dapat menyertai Blok Ketiga yang ditubuhkan Pas bersama Parti Ikatan Bangsa Malaysia (Ikatan).

"Kalau tanya saya, saya suka nak ajak PKR serta Pas dalam Blok Ketiga. Tapi setakat ini kita tiada perbincangan lagi ke arah itu.

"Kita juga belum bincangkan secara rasmi mengenai tawaran (Mohamed) Azmin," katanya selepas hadir menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kelantan Utilities Mubaarakan Holding Sdn Bhd dengan Rising Promenade Sdn Bhd di sini, semalam.

Kelmarin, Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menyatakan harapan untuk Pas dapat bergerak bersama PKR, DAP dan Amanah bagi menghadapi PRU14.

Kenyataan Mohamed

Azmin dibuat susulan kekalahan pembangkang dalam PRN11 Sarawak.

Mengulas lanjut, Mohd Amar berkata, Pas yakin penyertaan PKR akan memperkuatkan lagi Blok Ketiga bagi menghadapi PRU14.

"Kita menaruh harapan lebih besar kepada Blok Ketiga untuk masa depan politik negara," katanya.

Mengulas prestasi Pas dalam PRN Sarawak, Mohd Amar menyifatkan parti itu menunjukkan perkembangan positif walaupun tidak menang sebarang kerusi.



10 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: HAFEZDZULLAH HASSAN • Section: Nasional • Page: 6
Printed Size: 234.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 3,991.50 • PR value: MYR 11,974.50 • Item ID: MY0025980769

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJARAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektaohuong@gmail.com



Page 1 of 1

'PRK Sungai Besar sebelum raya'

Timbalan Presiden PKR jangka secepatnya sebelum Ramadan

■ HAFEZDZULLAH HASSAN

SHAH ALAM - Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, menjangkakan Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar, akan di-



adakan sebelum sambutan Hari Raya Aidilfitri nanti.

Menurutnya, PRK mungkin akan diadakan secepatnya sebelum umat Islam menyambut kedatangan Ramadan.

"Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mesti membuat perkiraaan dalam tempoh 60 hari dari kesosongan kerusi di sana.

"Berdasarkan pada kiraan tersebut, tempoh 60 hari yang diberikan itu akan jatuh pada hari raya pertama atau kedua," katanya selepas Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Selangor, di sini, semalam.

Oleh yang demikian, beliau berkata, tidak mungkin PRK akan diadakan ketika orang ramai sedang meraikan sambutan hari raya.

"Saya tak fikir mereka akan adakan PRK pada hari raya tetapi saya menjangka-

kan mereka mungkin akan adakan PRK sama ada sebelum atau ketika Ramadan nanti.

"Sebarang kemungkinan pun boleh berlaku dan kami harus bersedia untuk menghadapi PRK berkenaan pada bila-bila masa," katanya.

Bagaimanapun, Mohamed Azmin enggan mengulas lanjut mengenai bayangan calon yang bakal dilantik PKR untuk merebut kerusi di parlimen berkenaan.

"Sabar, masih terlalu awal. Benda ini masih boleh dibawa berbincang lagi," katanya.

Kerusi Parlimen Sungai Besar kosong ekoran kematian penyandangnya, Datuk Noriah Kasnon, yang maut dalam tragedi helikopter terhempas di Sungai Batang Lutar, Sarawak minggu lalu.

Beliau yang turut memegang jawatan sebagai Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, menjadi ahli parlimen di sana selama tiga penggal berturut-turut sejak 2004.

Headline	Tiada lesen pembalakan di Selangor		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	36	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	285 cm ²
Journalist	HAFEZDZULLAH HASSAN	AdValue	RM 4,861
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,583



Tiada lesen pembalakan di Selangor

Kerajaan negeri tidak keluarkan lesen pembakalan komersial sejak 2009

■ HAFEZDZULLAH HASSAN

SHAH ALAM – Kerajaan Selangor tidak lagi mengeluarkan lesen pembalakan komersial sejak dasar moratorium 25 tahun memberhentikan pembalakan komersial diperkenalkan pada tahun 2009.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, pembalakan hanya dibenarkan untuk tujuan tertentu yang berkaitan dengan kepentingan penduduk awam sahaja.

“Pembalakan hanya dibenarkan untuk membina infrastruktur awam sahaja seperti pengangkutan, kemudahan air dan elektrik.

“Kebenaran melakukan pembalakan pembalakan tersebut hanya diberikan berdasarkan pada syarat-syarat yang cukup ketat,” katanya ketika berucap di Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Selangor, di Dewan

Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz, Shah Alam, semalam.

Menurutnya, sebanyak 250,129 atau 31.5 peratus kawasan hutan di Selangor telah diwartakan sebagai hutan simpan kekal.

“Daripada jumlah tersebut, 175,090 hektar ataupun 70 peratus telah diwartakan sebagai hutan perlindungan untuk pelbagai tujuan seperti kawasan tahanan air, kawalan banjir, pencegahan kebakaran, pemeliharaan biologi dan penyelidikan hutan lipur dan rekreasi,” katanya.

Azmin berkata, ia merupakan satu dasar yang telah ditetapkan di mana keluasan hutan simpan kekal di Selangor tidak boleh kurang daripada 30 peratus berbanding keluasan tanah yang ada.

“Untuk menjaga kesimbangan alam sekitar ini, kerajaan negeri sentiasa mengusahakan pembangunan secara mampan dengan mengambil kira masalah alam sekitar supaya ia mengikut garis panduan serta syarat yang ditetapkan’ katanya.

Beliau berkata, satu cadangan telah dikemukakan kepada pentadbir pejabat tanah di daerah Selangor supaya tanah-tanah kerajaan yang tidak berpotensi untuk pembangunan diwartakan sebagai hutan simpan kekal.

“Walaupun kita telah melepas sasaran 30 peratus memiliki hutan simpan kekal tetapi tak bermakna kita selesa dengan statistik ini.

“Kita harus bersama-sama harus melihat perkara ini secara serius untuk mengekalkan sumber hutan supaya hutan simpan kekal dapat diperluaskan lagi,” katanya.



Pengarah Perhutanan Negeri Selangor, Dr Mohd Puat Dahalan menyerahkan Azmin sebuah buku khas terbitan Jabatan Perhutanan sambil diperhatikan oleh Speaker Dun Selangor, Hannah Yeoh.



10 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: Nor Azihan Md Ghazali • Section: Nasional • Page: 35 • Printed Size: 372.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 6,345.46
PR value: MYR 19,036.38 • Item ID: MY0025981092

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,
TINGKAU BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setakotshorong@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Nafi projek Horas tertangguh

Horas disiapkan mengikut tiga fasa, jangka siap hujung 2017

■ NOR AZIHAN MD GHAZALI

SHAH ALAM — Projek Sistem Pembesaran Sungai Hibrid (Horas) dan kolam-kolam takungan lain di negeri ini telah berjaya mengekalkan empangan pada tahap 60 peratus ke atas, khususnya di empangan Sungai Selangor; dalam keadaan negeri lain sudah berada pada tahap yang kritikal (30 peratus).

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abd il Talib berkata, projek Horas telah membantu Kerajaan Selangor mengurangkan pengeluaran air di empangan menyebabkan Selangor berjaya mengekalkan 60 peratus air ke atas.

"Horas telah pun berfungsi bersama kolam-kolam takungan yang lain dan telah berjaya membantu kita menghadapi musim kemarau seperti El Nino."



Zaidy (tengah) ketika melawat salah satu Kolam Horas di Bestari Jaya pada 5 Mei lalu.

"Semua pembinaan kolam Horas keseluruhannya dijangka siap pada hujung 2017 yang mampu membelakangkan lebih 600 juta liter air sehari," katanya ketika ditemui Sinar Harian di pejabatnya, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas pelbagai pihak persoalan Horas yang sepatutnya beroperasi dan siap September 2015 dan tertangguh sehingga hari ini.

Zaidy menjelaskan, baru-baru ini, kerajaan negeri berjaya menyempurnakan projek Mitigasi 2, iaitu membekalkan air dengan menaik taraf beberapa loji di Sungai Selangor.

Menurutnya, tujuan projek Horas adalah untuk menampung keperluan sumber air tambahan bagi projek Mitigasi 2 dan sehingga ke hari ini, Horas dan kolam-kolam lain berjaya menyempurnakan tujuan utama itu.

Projek Horas, kata Zaidy lagi, disiapkan mengikut fasa dan mengikut keperluan bagi membantu projek Mitigasi 2 dalam menghadapi musim panas seterusnya menampung keperluan sungai Selangor itu sendiri.

"Oleh itu, untuk projek Horas ini, ia mempunyai tiga fasa pertamanya adalah fasa pengorekan kolam, keduanya rumah pam dan ketiganya pengukuran tebing."



Zaidy memegang akbar Sinar Harian semalam sambil menafikan dakwaan segerelintir pihak bahawa projek Horas tertangguh

"Paling penting adalah pengorekan kolam, yang mana kawasan pertama melibatkan 48 hektar telah disempurnakan pada Oktober 2015 lalu," katanya.

Tambah Zaidy, sekarang pihaknya sedang membuat korekan untuk kawasan yang kedua kerana ia belum selesai

dan ia dijangka siap pada Jun ini dan setelah siap nanti, baru didirikan rumah pam yang dijangka siap pada Jun 2017.

Tambahnya lagi, tidak bersama sekali dakwaan mengatakan projek ini terbantut sebaliknya ia berjalan lancar mengikut fasa yang telah ditetapkan.

Headline	Peniaga terperangkap		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	35	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	176 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,002
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,006



Peniaga terperangkap



Pei Nei (empat, kanan) dan Ahli Parlimen Selayang, William Leong (tiga, kanan) turun padang di deretan kedai Sungai Bakau selepas menerima aduan peniaga ruang depan mereka di ambil untuk projek naik taraf jalan utama.

RAWANG - Peniaga deretan kedai Sungai Bakau terjejas apabila tiada lagi akses masuk ke kawasan premis mereka selepas tanah tersebut diambil Jabatan Kerja Raya untuk kerja naik taraf Jalan B27, di sini.

Adun Rawang, Gan Pei Nei berkata, pengambilan tanah yang berstatus rizab jalan itu menyebabkan jarak antara projek dan pintu kedai kurang daripada dua meter.

Menurutnya, peniaga mohon diberikan sekurang-kurangnya keluasan 40 kaki bagi membolehkan ruang itu

dijadikan akses masuk ke kawasan perniagaan dan parkir.

"Kerja meratakan tanah telah dibuat dua minggu lalu di mana peniaga kini terpaksa menggunakan lorong belakang sebagai jalan utama selepas tanah yang diambil JKR betul-betul berada di depan pintu kedai mereka.

"Peniaga mohon disediakan ruang mencukupi buatnya untuk laluan masuk dan parkir bagi mengelakkan perniagaan mereka terjejas," katanya.

Beliau berkata, pihaknya memohon supaya JKR negeri

mengadakan mesyuarat berhubung perkara tersebut dan membuat kajian semula pelan projek dengan mengambil kira kebijakan peniaga.

"Naik taraf ini memang bermasalah dan beberapa kali telah lewat tapi kami harapkan pelan projek mengambil kira keperluan servis jalan kepada masyarakat setempat.

"Jika tanah bahagian sini terhad, JKR mungkin boleh mempertimbangkan untuk mengalihkannya ke bahagian bertentangan dengan mengubah ariran sungai," katanya.



10 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 36 • Printed Size: 194.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,309.00
PR value: MYR 9,927.00 • Item ID: MY0025981096

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

MPAJ hargai Sinar Harian



Abdul Hamid (tengah) meraikan wakil Sinar Harian, Ahmad Ismail (kiri) dan pengamal media lain dalam satu majlis.

AMPANG – Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) meraikan media dalam usaha menghargai pihak media yang sentiasa memberikan liputan serta menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti dan hebatan berkaitan MPAJ.

Yang Dipertua MPAJ, Abdul Hamid Hussain berkata, pihaknya dan media saling memerlukan antara satu sama lain.

“Saya berharap kerjasama di antara MPAJ dan media terus erat, saya anggap hubungan media dan MPAJ ibarat lagu dan irama,” katanya.

Menurutnya, laporan berita berkaitan MPAJ sepanjang tempoh 2015 paling banyak disiarkan di media cetak adalah Sinar Harian.

“Akhbar Sinar Harian telah melaporkan se-

banyak 266 laporan berita,” katanya.

Wakil media turut menerima sijil dan plak dalam Majlis Apresiasi Media MPAJ 2016 yang julung kali diadakan.

Katanya, media dilihat dapat membina keyakinan rakyat terhadap apa juga dasar-dasar di Selangor khususnya di kawasan MPAJ.

“Ia bukan sahaja tertumpu kepada pembangunan fizikal, tetapi yang lebih penting adalah pembangunan minda serta spiritual masyarakat.

“Peranan media amat besar kerana mereka sebagai penyumbang kepada setiap kejayaan yang dicapai oleh MPAJ, saya amat menghargai peranan media,” katanya.



10 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 37 • Printed Size: 205.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,497.00
PR value: MYR 10,491.00 • Item ID: MY0025981231

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 1, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Jalan mendap, lebih 10 rumah penduduk retak

SHAH ALAM - Adun Kota Damansara, Halimaton Saadiah Bohan, menggesa pihak berkuasa tempatan (PBT) bertindak segera ke atas aduan tanah mendap dan retak oleh penduduk di Ara Idaman, Ara Damansara.

Beliau berkata, ada sebahagian jalan raya di sepanjang tebing Sungai Damansara, retak dan beberapa rumah penduduk turut terjejas.

Menurutnya, aduan per-

nah dibuat sejak 2013, namun tiada sebarang tindakan diambil oleh pihak berkaitan.

"Mereka dah buat aduan kepada pihak pemaju dan mereka serahkan kes kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

"Lebih 10 rumah mengalami keretakan dan jalan pula mendap. Tindakan perlu diambil segera supaya kejadian yang lebih serius tidak berla-

ku," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Halimaton Saadiah berkata, isu politik perlu diketepikan dalam usaha menjaga kebaikan rakyat.

Beliau ingin melihat sendiri usaha menyelesaikan permasalahan rakyat ini turut disertai MBPJ, Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor serta wakil daripada pihak pemaju.

"Saya sebagai wakil rakyat

sedia ketepikan soal politik untuk bekerjasama dengan ahli majlis dan semua pihak demi kebaikan rakyat," katanya.

Kawasan yang terjejas adalah Jalan 22, 24, 26, 28, 30 dan 30 yang menempatkan kira-kira 410 rumah teres.

Difahamkan, MBPJ akan memanggil semua pihak yang terlibat untuk mengadakan perbincangan dalam satu mesyuarat yang akan diadakan Rabu ini.



Ahli Majlis Zon 4, Wong Yuet Leng (tiga, kanan) menunjukkan jalan yang retak kepada Halimaton (dua, kiri) sambil diperhatikan Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBPJ, Ir Ismail Shafie (tiga, kiri).



10 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 38 • Printed Size: 293.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,998.00
PR value: MYR 14,994.00 • Item ID: MY0025981232

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahs@selangor.gov.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

PKNS beri insentif anak kakitangan

Tanda penghargaan kepada keluarga, pelajar cemerlang dalam peperiksaan utama

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menyediakan insentif kepada kakitangan dan ahli keluarga yang memperoleh keputusan cemerlang di

dalam peperiksaan 2015 menyediarkan peranan pendidikan adalah elemen penting dalam mencorakkan pembangunan negara.

Insentif berbentuk hadiah sugu hati yang keseluruhananya bernilai RM48,000 itu diberikan kepada 147 kakitangan dan anak kakitangan yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) dan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), hafazan 30 juzuk, diploma, sarjana muda serta sarjana,

Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah berkata, PKNS memberikan suguhati tersebut bagi meraikan kejayaan

kakitangannya dan ahli keluarga yang menjadi tunjang utama kepada kecemerlangan perbadanan itu yang sudah wujud hampir lima dekad di dalam industri hartanah Selangor.

Azlan berkata lagi, PKNS juga menyediakan biasiswa atau dermasiswa kepada mereka yang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

"Bagi membantu anak kakitangan yang ingin menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi, PKNS menyediakan biasiswa atau dermasiswa untuk mereka mengikuti ijazah sarjana muda serta sarjana,

sepehnuh masa.

"Manakala, kakitangan tutut ditawar untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sijil, diploma, sarjana muda, ijazah lanjutan dan kursus profesional sepenuh masa atau secara sambilan," katanya semasa merasmikan Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang PKNS 2016.

Muhammad Aimi Shahriman, 16, berjaya meraih 11A dalam Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) 2015, beliau amat berterima kasih kepada kedua ibu bapanya yang sentiasa memberi semangat dan dorongan kepadanya sehingga berjaya.

Muhammad Aimi yang kini bersekolah di Sekolah Agama Menengah Tinggi Bestari (SAMBES) berkata, kejayaannya adalah hadiah

Hari Ibu kepada ibunya Julina Ibrahim, 47, yang berkhidmat sebagai Pengurus Bahagian Sistem Kualiti PKNS.

"Ibu sentiasa beri semangat kepada kami sekeluarga untuk menjadi insan terbaik di dunia dan akhirat," katanya yang bercita-cita menjadi seorang saintis.

Nurul Khaleesah Roslen, 18, diraikan pada majlis yang sama kerana berjaya menghafal 30 juzuk al-Quran dalam tempoh tiga tahun.

Khaleesah mula berminat mendalami ilmu hafazan ketika berusia 15 tahun di sekolah Mahaad Tahfiz Al-Husni, Jeram.

"Saya akan bangun pada jam 3 pagi untuk buat solat malam, kemudian memulakan hafazan pada waktu ini. Kejayaan saya adalah kejayaan ibu bapa saya," katanya.



Khaleesah (tengah) bersama bapanya Roslen Ahmad dan ibunya Suhana Sarimin.



10 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 38 • Printed Size: 293.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,998.00
PR value: MYR 14,994.00 • Item ID: MY0025981232

PEJARAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahs@ns.gov.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2





10 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: Ahmad Ismadi Ismail • Section: Nasional • Page: 39 • Printed Size: 291.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,963.79
PR value: MYR 14,891.37 • Item ID: MY0025981233

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Kubur Lipat Kajang tidak terurus

Kawasan dipenuhi semak samun, jadi lokasi buang sampah

■ AHMAD ISMADI ISMAIL

SHAH ALAM - Tanah Perkuburan Lipat Kajang, Klang, didakwa dipenuhi semak samun serta lalang yang tumbuh, malah lebih teruk ia turut menjadi tempat pembuangan sampah oleh individu tidak bertanggungjawab.

Seorang pengadu yang mahu dikenali sebagai Suhaimi berkata, perbuatan membuang sampah di kawasan tersebut dipercayai dilakukan oleh segelintir waris yang datang menziarahi tanah perkuburan itu.

"Banyak botol air dan plastik dibuang atau ditinggalkan berselerak di kawasan tapak perkuburan."

"Perkara itu amat dikesali dan saya harap pihak berkaitan dapat melakukan pemantauan berterusan serta melaku kan kerja pembersihan di kawasan itu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Suhaimi berkata, masalah tersebut juga sudah diadukan kepada Majlis Perbandaran Klang (MPK).

"Saya harap MPK dapat keluarkan peruntukan atau

mengupah pekerja untuk menjaga dan membersihkan kawasan tanah perkuburan itu setiap hari," katanya.

Sementara itu, menurut sumber Majlis Perbandaran Klang, tanah perkuburan itu diserahkan kepada Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dan berada bawah penyelenggaraan jabatan itu setelah kawasan tanah perkuburan itu penuh.

"Dulu pengurusan di bawah MPK, kini kita serahkan kepada Jais untuk kerja pembersihan," katanya.

Dalam perkembangan sama, Pengarah Jais, Datuk Haris Kasim ketika dihubungi *Sinar Harian* memaklumkan pihaknya sedia maklum ber hubung isu itu.

"Kerja pembersihan dan pemantauan diserahkan bawah tanggungjawab ahli Kariah Masjid Jamek Ar Rahimiah,

Manakala, Ahli Kariah Masjid Jamek Ar Rahimiah, Klang, Hamzah Juhari, 65, yang ditemui *Sinar Harian*

memberitahu, dia selalu datang untuk membersihkan sebahagian kawasan tanah perkuburan itu.

"Seminggu sekali atau sebulan tiga kali saya datang ke tanah perkuburan ini untuk membersihkan sebahagian kawasan kubur. Saya tidak mengambil upah, namun waris memberi wang secara ikhlas untuk saya membersihkan kawasan kubur ahli keluarga mereka.

"Keluasan kubur ini pula dianggarkan lebih satu ekar, hanya saya bersama seorang lagi ahli jawatankuasa masjid membersihkan kawasan kubur ini. Baru semalam dia melakukan kerja-kerja meracun rumput di sini," katanya.

Menurutnya, setahun se kali gotong-royong diadakan untuk membersihkan tanah.

"Dua tahun lalu, gotong-royong dilakukan bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat. Kami menggalau alukan jika ada pihak badan bukan kerajaan atau waris yang sudi bersama melakukan go tong-royong," katanya.



Botol-botol yang ditemui dibuang di kawasan tanah perkuburan dikumpulkan untuk dibuang ke tempat sepatutnya.

"Faizal adalah seorang pemain yang berbakat dan banyak ruang yang dapat dimanfaatkannya sekiranya beliau berubah dan bersikap lebih matang serta berdisiplin."

- Subahan Kamal

54



Misi tiga mata Red Giants

TIGA mata menjadi buruan Selangor apabila berkunjung ke Singapura menentang Tampines Rovers bagi aksi terakhir Kumpulan E kemenangan Piala AFC, malam ini.

Pengendalinya, Zainal Abidin Hassan berkata, hanya kemenangan sahaja akan menjamin laluan *The Red Giants* ke pusingan seterusnya.

"Pertahanan kami juga bertambah baik, saya sentiasa ingatkan pemain supaya mengelak sebarang kesilapan yang membuka peluang lawan mengambil kesempatan."

"Alhamdulillah ia telah berkesan, dan terbukti apabila kita tidak bolos dalam dua perlawanan lalu."

"Tetapi kita perlu menjadi lebih baik dalam aspek mencipta peluang. Saya dapat melihat masih ter-



dapat beberapa kejadian dalam mencipta peluang," kata jurulatih berusia 54 tahun itu.

Dalam pada itu, Zainal berkata, beliau tidak akan menurunkan R Gopinathan dan Razman Roslan yang masih tidak pulih 100 peratus.

Namun menurutnya Nazmi Faiz Mansor akan ditarungkan dalam perlawanan tersebut.

Kelmarin Nazmi datang meminta maaf daripada saya dan pasukan.

"Dia (Nazmi) berjanji akan bermain bersungguh-sungguh dan elak mengulangi kesilapan," katanya.



Andik Vermansyah (kiri) pastinya akan menjadi taruhan penting Zainal untuk merobek gawang gol Tampines, malam ini.

PIALA AFC							
■ JADUAL & KEDUDUKAN							
HARI INI							
Tampines Rovers <i>v</i> Selangor *(Std Nasional, 7 mln)							
ESOK							
JDT <i>v</i> Bengaluru *(Std Larkin, 8.45 mln)							
*masa, venue tertakluk pindahan							
■ KUMPULAN E							
P	M	S	K	J	B	Mt	
Ceres La Salle	5	2	3	0	7	4	9
Selangor	5	2	2	1	8	7	8
Tampines Rovers	5	2	1	2	9	6	7
Sheikh Jamal	5	1	0	4	7	14	3
■ KUMPULAN H							
P	M	S	K	J	B	Mt	
JDT	5	5	0	0	18	3	15
Bengaluru FC	5	3	0	2	9	7	9
Ayeyawady Utd	5	1	0	4	9	18	3
Lao Toyota FC	5	1	0	4	6	14	3

Piala FA						
■ FINAL						
SABTU						
JDT <i>v</i> PKNS *(Std Shah Alam, 8.45 mln)						
*masa, venue tertakluk pindahan						
Liga Perdana Inggeris						
■ PERLAWANAN						

RABU							
West Ham Utd <i>v</i> Man Utd (Std Upton Park, 2.45 pg)							
■ KEDUDUKAN							
P	M	S	K	J	B	Mt	
Leicester City	37	23	11	3	67	35	80
Tottenham	37	19	13	5	68	30	70
Arsenal	37	19	11	7	61	36	68
Man City	37	19	8	10	70	40	65
Man Utd	36	18	9	9	44	31	63
Southampton	37	17	9	11	55	40	60
West Ham Utd	36	15	14	7	61	47	59
Liverpool	36	16	10	10	61	48	58
Chelsea	36	12	12	12	57	51	48
Stoke City	37	13	9	15	39	54	48
Swansea City	37	12	10	15	41	51	46
Everton	36	10	14	12	56	52	44
Watford	36	12	8	16	36	44	44
Crystal Palace	37	11	9	17	38	47	42
West Brom	37	10	12	15	33	47	42
Bournemouth	37	11	9	17	44	64	42
Sunderland	36	8	11	17	43	60	35
Newcastle Utd	37	8	10	19	39	64	34
Norwich City	36	8	7	21	35	62	31
Aston Villa	37	3	8	26	27	72	17

RUJUK FIFA

■ SHAHRIZAL AHMAD ZAINI

